

10/08/2003

Kuasa besar punca dunia musnah

Ziauddin Sharuddin

KUALA LUMPUR: Kecenderungan kuasa besar dunia menggunakan ketenteraan menyebabkan masyarakat sejagat dalam keadaan tidak menentu, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, tindakan kuasa besar itu juga menimbulkan perasaan tidak selesa, seolah-olah dunia ini tidak lagi selamat untuk didiami.

"Marah, benci dan balas dendam adalah antara perasaan yang menghantui masyarakat dunia sekarang terutama berikutan perkembangan dunia kebelakangan ini," katanya pada Persidangan Keamanan Sedunia Kuala Lumpur 2003 di sini, semalam.

Malah, Najib berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan perasmiannya turut menyarankan mengenai pentingnya memilih langkah untuk menangani masalah tanpa menggunakan kekerasan.

"Perundingan adalah cara penyelesaian kepada sebarang perbezaan pendapat atau permasalahan yang timbul antara pihak yang berkonflik dan bukannya di medan peperangan," katanya.

Katanya, Malaysia sebagai contoh sentiasa cuba mengelak perbalahan untuk mewujudkan negara yang berteraskan kefahaman dan kerjasama antara kaum dan agama.

Sementara itu, Najib yang menjadi moderator pada sesi pertama persidangan itu, berkata dua dimensi utama untuk mempromosi keamanan adalah kemanusiaan dan kepimpinan.

"Kekuatan diri setiap individu serta semangat untuk mencapai keamanan adalah antara faktor yang boleh merealisasikan keamanan, manakala kepentingan pemimpin tidak dapat disangkal kerana pemimpin yang bertanggungjawab untuk memastikan sebarang tindakan termasuk konflik itu berlaku atau sebaliknya," katanya.

Katanya, contohnya di United Kingdom, kuasa pemimpinnya serta sokongan ketenteraan adalah antara faktor yang memungkinkan berlakunya pencerobohan dan serangan terhadap Iraq baru-baru ini.

Berikutan itu, beliau berkata, persidangan dua hari itu adalah proses untuk menjadikan pemikiran yang mengutamakan keamanan sebagai budaya yang disanjung masyarakat dunia.